

# Institusi Penjara Malaysia

## PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji untuk menyediakan tempat kurungan yang selamat dan layanan yang berperikemanusiaan kepada banduan berlandaskan peruntukan undang-undang. Kami juga berjanji :-

- Mempastikan banduan menerima program pemulihan yang bersesuaian
- Menjamin semua aduan/rayuan banduan mendapat pertimbangan yang bersesuaian
- Menyediakan panduan yang lengkap dan mudah difahami bagi tujuan perjumpaan keluarga dengan banduan
- Menyediakan tempat menunggu dan tempat perjumpaan yang selamat dan selesa

## PUSAT KOREKSIONAL PERLIS

Jalan Kok Klang,  
02500 Mata Ayer,  
Kangar,  
PERLIS

Tel : 04-9887000  
Fax : 04-9860035  
Email :  
prperlis@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Pusat Koreksional Perlis mula dibina pada 5 Mei 2006 dengan kaedah rundingan terus dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bertindak sebagai agensi pelaksana. Manakala IHS Utara Malaysia Sdn. Bhd. merupakan kontraktor yang bertanggungjawab melaksanakan projek pembinaan. Pusat Koreksional ini dibina di atas Lot 1616 Mukim Padang Siding dalam Daerah Mata Ayer Perlis di atas tanah dengan keluasan 40.5 hektar (100 ekar). Kos pembinaan keseluruhan projek berjumlah RM 135 juta. Projek ini disiapkan pembinaannya pada 31 Oktober 2010 dan seterusnya diwartakan sebagai Pusat Koreksional Perlis oleh Menteri Dalam Negeri pada 25 Mac 2011. Pusat Koreksional ini ditadbirkan oleh seorang pengarah berpangkat Penolong Pengarah Penjara (PKP) Gred KX 48.

Pusat Koreksional Perlis berupaya menempatkan penghuni dengan kapasiti 800 orang. Sebagai sebuah Pusat Koreksional yang baru ia turut dilengkapi dengan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu (SKEP) yang melibatkan kawalan CCTV, pagar keselamatan dan juga kunci.

Pusat Koreksional Perlis juga dilengkapi dengan perumahan kakitangan yang moden dan selesa serta kemudahan-kemudahan lain untuk kakitangan pelbagai pangkat. Selain itu, taman-taman permainan serta kemudahan rekreasi yang lain seperti gelanggang-gelanggang permainan, padang bolasepak, dewan serbaguna, masjid dan rumah kelab turut disediakan.

Selain berperanan sebagai institusi pemulihan, Pusat Koreksional Perlis juga merupakan sebuah institusi latihan untuk pegawai-pegawai penjara bagi Kursus Asas Pengurusan Penjara disamping lain-lain kursus jangka pendek anjuran jabatan. Sehubungan itu ia turut dilengkapi dengan prasarana yang bersesuaian

dengan keperluan latihan seperti auditorium, bilik kuliah, dewan banquet dan kemudahan asrama untuk penginapan kepada peserta kursus.

[ [Peta](#) ]

### PENJARA POKOK SENA



KM 24, Jalan Naka,  
06400 Pokok Sena,  
KEDAH DARUL AMAN

Tel : 04-  
7825555/7825753/7823653  
Fax : 04-7823771  
Email : prpsena@prison.gov.my

#### **Maklumat Ringkas**

Penjara Pokok Sena dikategorikan sebagai Penjara Maksimum Maksimum yang menempatkan pelbagai kategori banduan. Penjara ini mula dibina pada 1 Ogos 1999 dan siap sepenuhnya pada 30 Mei 2003. Kos keseluruhan projek pembinaan melibatkan kos sebanyak RM169,498,000. Keluasan keseluruhan kawasan penjara termasuk kawasan kediaman adalah seluas 195 ekar.

[ [Peta](#) ]

### PENJARA ALOR SETAR

Jalan Sultanah,  
05350 Alor Setar,  
KEDAH DARUL AMAN

Tel : 04-7302544/7340839  
Fax : 04-7328694  
Email : pralstar@prison.gov.my



#### **Maklumat Ringkas**

Penjara Alor Setar telah dibina pada tahun 1893. Pada peringkat awal ianya dibuka, kategori banduan yang ditahan terdiri daripada kesalahan mencuri, memiliki candu serta kesalahan memiliki senjata. Kebanyakan banduan terdiri daripada rakyat Malaysia, Thailand dan Burma (kesalahan menceroboh pengairan Malaysia sewaktu menangkap ikan).

[ [Peta](#) ]

## PENJARA SUNGAI PETANI



08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel : 04-4202020 Fax : 04-4222171

Email : prsgptn@prison.gov.my

### **Maklumat Ringkas**

Penjara Sungai Petani telah ditubuhkan pada tahun 1920 oleh pihak British dan dikenali sebagai 'Local Prison Sungai Petani'. Di letakkan di bawah pentadbiran Penjara Alor Star sehingga tahun 1987.

Diisytiharkan sebagai Penjara Pusat Latihan Banduan-Banduan Muda sehingga tahun 1993. Pada tahun 1993 kategori sebagai Penjara Pusat Latihan Banduan-Banduan Muda telah ditukarkan kepada Penjara Sungai Petani mengikut Warta Kerajaan P.U.(B) 292 bertarikh 30 Jun 1993 (KDN.S.171/1355 Kit2:PN (PU) 163/11.1.

1997 ditukarkan menjadi penjara bagi menempatkan banduan-banduan Pra Bebas yang dipindahkan dari lain-lain institusi Penjara Zon Utara.

29 Mac 2002 dijadikan tempat untuk menahan banduan-banduan muda yang berumur 21 tahun ke bawah.

### Maklumat Lawatan Keluarga

Sabtu Hingga Rabu	-	8.00 pagi hingga 4.00 petang
Khamis	-	8.00 Pagi hingga 12.00 Tengahari
Jumaat & Kelepasan Am	Tutup	Tutup

[ [Peta](#) ]

## PENJARA PULAU PINANG

Jalan Goal,  
10990 PULAU PINANG

Tel : 04-2289562

Fax : 04-2293528

Email : prppng@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Pada awal abad ke 19, Pulau Pinang adalah koloni ♦Penal♦ untuk tahanan daripada India. Sesetengah daripada tahanan ini merupakan tahanan politik dan bukannya penjenayah, dan dipenjarakan kerana menentang penjajahan British di India. Pulau Pinang dan Singapura merupakan koloni ♦penal♦ untuk tahanan India yang dijatuhkan hukuman lebih daripada 7 tahun. Kewujudan penjara di Pulau Pinang dikesan sejak 1811 apabila wujudnya tinggalan penjara dalam Kota Cornwallis.

Pada pertengahan abad ke 19, tahanan-tahanan India yang dibawa daripada Penjara Bangkokulu, Sumatera dan pesalah tempatan telah ditempatkan di Chowrusta Lines di Jalan Penang. Namun kerana kawasan tahanan itu terlalu kecil untuk menampung bilangan pesalah yang ramai, satu tempat kurungan yang lebih besar telah dibina bertentangan dengan penjara sedia ada.

Menjelang akhir tahun 1840-an, Penjara Chowrusta Lines telah mengalami kesesakan. Pada masa yang sama, timbul bantahan daripada saudagar-saudagar di negeri-negeri Selat terhadap tindakan Inggeris menjadikan Negeri-Negeri Selat sebagai tempat pembuangan orang salah. Keadaan ini menjatuhkan imej Negeri-Negeri Selat dan mempengaruhi perdagangan di tanah-tanah jajahan itu



*Gambar Penjara Pulau Pinang, dulu dan kini*

#### **Senarai Ketua-Ketua Institusi yang terdahulu**

Bil.	Nama Ketua Institusi	Tarikh Mula Berkhidmat	Tarikh Bertukar / Bersara
1.	Colonal William T. Butterworth	1849	1944
2.	F.T.L.T. Morgan	1945	
3.	L.W.N. Grownny	1945	
4.	A.R. Page	1946	1950
5.	Maj W.G. Webb	1951	1952
6.	H.J. Shepart	1953	
7.	J. Banister	1954	1955
8.	A.C. Smith	1956	
9.	N.T. Smart	1956	1957
10.	W.J. Elderton	1958	
11.	R.J. Glaziar	1959	
12.	Pretap Singh	1960	
13.	Indra Singh	1961	1962
14.	Ibrahim Bin Mohamad	1963	1965
15.	Ismail Bin Ibrahim	1966	1970
16.	Abdullah Bin Ariffin	1971	1973
17.	Jalaluddin Bin Mohd Ayit	1974	1979
18.	Mohd Nadzri Bin Kushairy	1979	1983
19.	Hj. Abdul Raof Bin Hj. Ahmad	1983	1984
20.	Abdulah Bin Hj. Abu Bakar	1984	1988
21.	Zainal Abidin Bin Mohd Noor	1989	1990
22.	Chong Fok Choy	1989	1990
23.	Hj. Omar Bin Hj. Mohd Dan	1990	1993
24.	Hj. Yahaya Bin Hj. Salleh	1993	2002

25.	Idris Bin Hj. Ismail	2002	2005
26.	Thang Ah Yong	2005	2006
27	Ibrisam Bin Abdul Rahman	2006	

[ [Peta](#) ]

## PENJARA SEBERANG PERAI

Kompleks Penjara  
Seberang Perai,  
Jalan Kerian Kedah  
14200 Sungai Jawi  
Seberang Perai Selatan  
PULAU PINANG

Tel : 04-5858888  
Fax : 04-5826711  
Email :  
prsperei@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Sejarah penubuhan Penjara Seberang Perai bermula dengan Majlis penyerahan Kompleks Penjara Seberang Perai daripada Jabatan Kerja Raya kepada Jabatan Penjara Malaysia pada bulan 28 Ogos 2009. Pembinaan Kompleks Penjara Seberang Perai adalah berasaskan kepada Penjara Sukan.

Mula beroperasi dan menerima banduan pada 15 Oktober 2009. Salah sebuah Penjara yang menggunakan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu untuk keselamatan (SKEB).

Penjara Seberang Perai Dikategorikan Sebagai Penjara Yang Menempatkan Banduan kes-kes dadah pertama kali dan kali kedua masuk penjara dengan kapasiti selesa 1509 penghuni.

Keluasan keseluruhan kawasan Penjara Seberang Perai 119 hektar. Terbahagi kepada kawasan penjara (penempatan banduan) 76.6 hektar dan keluasan penempatan kakitangan 42.4 hektar.

Penjara Seberang Perai ditadbir oleh Pengarah Penjara yang berpangkat Penolong Kanan Komisioner Penjara Abd. Basir bin Mohamad.

### **Tarikh Proses Pemindahan Banduan Diawal Pembukaan Penjara Seberang Perai**

Tarikh	Jumlah O/B	Jumlah Penuh	Penjara
15 Oktober 2009	83 Banduan ( HL)	83 Banduan	P. Pinang
22 Oktober 2009	24 Banduan (HL)	107 Banduan	P. Pinang
3 November 2009	120 Banduan (HL)	227 Banduan	P. Pinang
6 November 2009	108 Banduan (HL)	433 Banduan	P. Pinang
6 November 2009	4 B.A	437 Banduan	P. Pinang
17 November 2009	152 Banduan (HL)	685 Banduan	P. Pinang

[ [Peta](#) ]

## PENJARA TAIPING

Jalan Taming Sari,  
34000 Taiping,  
PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-8072177, 8064053,  
8083675



Fax : 05-8077631  
Email : prtaipeg@prison.gov.my

### **Maklumat Ringkas**

Penjara Taiping telah dibina pada tahun 1879, iaitu semasa pentadbiran Sir Hugh Low iaitu residen ketiga Perak. Pada tahun 1879 - 1960, pentadbiran Penjara Taiping berada di bawah pengurusan pegawai Inggeris. Penjara Taiping telah dibina di atas tanah seluas 5.159 hektar dengan menggunakan tenaga buruh paksaan yang terdiri daripada tawanan perang atau banduan yang dibawa masuk dari India dan Afrika. Bahan-bahan binaannya pula diimport dari England melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris. Tujuan Penjara Taiping dibina adalah untuk memenjarakan ahli kumpulan kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San. Di samping itu juga bagi memenjarakan pembesar Melayu yang menentang penjajahan Inggeris dan penjenayah yang laian seperti perompak, pencuri, pembunuh dan sebagainya.

Struktur fizikal awal terdiri daripada pagar kayu setinggi 9 kaki dan 5 buah bangunan yang diperbuat daripada separuh batu-bata yang bersambung di antara satu sama lain. Setiap bangunan dapat memuatkan 50 orang banduan sahaja. Semasa permulaan pembinaan Penjara Taiping dikenali sebagai Penjara Larut kemudian ditukar kepada Penjara Pusat Latihan Taiping. Pada 9 Januari 1992 melalui warta kerajaan (KDN.S 171/1355; PN. (PU) 163/11) Penjara Taiping telah diberi nama kekal sehingga hari ini.

[ [Peta](#) ]

## **PUSAT KOREKSIONAL KAMUNTING**



Pusat Koreksional Kamunting,  
34009 Taiping,  
PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-883 7311, 05-883 7836  
Fax : 05-883 7010  
Email : ttptpng@prison.gov.my

### **Maklumat Ringkas**

Tempat Tahanan Perlindungan Taiping atau lebih dikenali sebagai KEMTA kini telah ditukarkan dengan nama Pusat Koreksional Kamunting, Taiping, Perak pada 9 Mei 2014 yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Ia terletak kira-kira 8 km. dari bandar Taiping dan 3 km. dari pekan Kamunting dan mempunyai keluasan 93.3 hektar. Institusi ini mula dibuka pada November 1973 bagi menempatkan orang-orang yang telah melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Sek. 8(1)).

Pada 14 hb. November 1973, perpindahan 91 orang tahanan dari Tempat Tahanan Khas Batu Gajah yang terdiri daripada anggota-anggota komunis merupakan tarikh permulaan institusi ini beroperasi. Walaupun diperingkat awal pembukaannya ia menempatkan tahanan-tahanan yang sebahagian besarnya merupakan anasir-anasir subversif tetapi sekarang ianya

menempatkan tahanan-tahanan yang ekstremis politik, pelampau-pelampau agama dan juga bekas anggota-anggota komunis yang menyerah diri.

Kem Tahanan Kamunting (Kemta), Taiping, Perak, menyimpan 1,001 kenangan kerana di situlah tempat mereka yang boleh mengancam keselamatan negara ditempatkan, mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Namun selaras dengan pemansuhan akta itu, kem tersebut yang pernah menempatkan seramai 2,770 orang tahanan sejak penubuhannya pada 1 November 1973, telah ditukar peranan dan namanya serta kini dikenali sebagai Pusat Koreksional Kamunting, Taiping (PKKT).

Kumpulan tahanan pertama di Kemta adalah seramai 161 anggota Parti Komunis Malaya (PKM), dipindahkan dari Pusat Pemulihan Akhlak di Muar, Johor, kerana penglibatan mereka dalam pertubuhan tersebut yang boleh mengancam keselamatan negara, Tahanan terakhir pula adalah seramai enam orang anggota militan Darul Islam (DI) yang dibebaskan pada 5 Januari lalu. Tiga daripadanya rakyat Malaysia, Indonesia (2) dan Filipina (1). Sepanjang tempoh beroperasi sejak ditubuhkan pada 1 November 1973, seramai 1,702 anggota komunis ditahan diikuti kesalahan berkaitan dokumen palsu (433), pengganas (193), penyeludupan manusia (159), pelampau agama (115), mencetak duit syiling palsu (66), isu agama dan perkauman (40). Selain daripada itu mereka yang terlibat dalam anasir subversif (38), risikan (16), aktivis reformasi (7) serta seorang pembekal komponen nuklear. Kini, kem itu yang telah berubah fungsinya menempatkan maksima 800 orang banduan pelbagai kesalahan yang tergolong dalam kategori pra bebas dan mempunyai baki hukuman penjara kurang daripada dua tahun. Kawasan seluas 93.3 hektar itu telah dijadikan sebagai pusat tahanan dengan konsep penjara agro. Kawasan berkenaan merangkumi seluas 14 hektar kawasan tahanan, kawasan banduan (16 hektar), padang golf sembilan lubang (40 hektar) dan perumahan kakitangan, pertanian serta padang ragut (23.3 hektar). Selaras dengan konsep sara diri yang diperkenalkan Jabatan Perdana Menteri (JPM), PKKT akan diguna untuk mengeluarkan produk makanan seperti sayuran dan ikan bagi kegunaan banduan. Banduan yang ditempatkan di sini terdiri daripada mereka yang dipilih daripada beberapa penjara dan dikategorikan sebagai tidak berisiko.

Produk pertanian seperti sayuran kangkung dan sawi dibekalkan kepada penjara-penjara manakala sayuran berdaun, cendawan dan kucai kepada peniaga dan penduduk di sekitar daerah Larut Matang dan Penjara Taiping. Pusat ternakan ikan air tawar juga membekalkan ikan seperti keli dan tilapia kepada lapan penjara seperti Penjara Batu Gajah, Tapah, Alor Setar, Pulang Pinang dan Seberang Prai dengan setiap bulan. PKKT juga menternak lembu dan pemprosesan hasil kenaf yang merupakan projek kerajaan dengan kerjasama Lembaga Tembakau dan Kenaf Negara. Setakat ini PKKT mengusahakan ternakan ikan keli dalam 25 buah kolam di atas tapak seluas 2.4 hektar dan dalam perancangan untuk penambahan kolam lagi untuk menambahkan hasil pengeluaran. Tanaman sayuran seluas 3.6 hektar akan diteruskan kerana ia mendapat permintaan tinggi daripada pengguna tempatan. Hasil kegiatan agro di PKKT dapat memberi penjimatan kepada kerajaan selain dapat memberi program latihan kepada banduan-banduan supaya mereka boleh berdikari setelah dibebaskan kelak.

[ [Peta](#) ]

## PENJARA TAPAH



KM. 12, Jalan Tapah,  
35400 Tapah,  
PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-4181818  
Fax : 05-4182897  
Email : prtapah@prison.gov.my

**Maklumat Ringkas**

Penjara Tapah mempunyai keluasan keseluruhan 81.75 hektar. Terletak di Lot11233, Mukim Batang Padang, Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan. Kedudukannya 12 km dari Pekan Tapah dan 67 km dari Bandaraya Ipoh. Dibinapada 1 Julai 2000 dan siap pada 30 Jun 2003 dengan nilai kontrak RM191,379,850.11. Mula beroperasi pada 1 April 2004. Ianya telah diwartakanmelalui Warta Kerajaan Persekutuan No. 4 Bil. 47.P.U( B ) 79 bertarikh 13Disember 2003. Keluasan kawasan Penjara 21.88 hektar dan 14.28 hektar merupakan keluasanpenempatan kakitangan. Selebihnya , 45.6 hektar adalah kawasan pertanianand ladang kelapa sawit. Penjara ini telah dilengkapi dengan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu ( SKEB ) dan menggunakan teknologi terkini serta kemudahan penempatan dan rekreasi yang bersesuaian dengan perkembangan zaman kini samada kepada penghuni penjara mahupun kakitangan.

Penjara Tapah adalah bermodelkan Penjara Sungai Buloh , "Reman & Convicted Prison" dengan kapasiti selesa 2,062 penghuni. Pada peringkat awal pengisian penempatan, penjara ini menempatkan penghuni-penghuni yang di pindahkan dari penjara-penjara yang berhampiran. Kini penjara ini telah menerima penghuni-penghuni yang di jatuhkan hukuman oleh mahkamah-mahkamah di bahagian selatan Negeri Perak khususnya dan dari seluruh Negeri Perak amnya. Penjara Tapah ditadbir oleh Pengarah Penjara yang berpangkat Penolong Kanan Komisioner Penjara.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Sultan Azlan MuhibbuddinShah Ibni Al Marhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-Lah dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Tuanku Bainun telah berkenan mencemar duli merasmikan Penjara Tapah, Perak pada tanggal 17 Mei 2006 bersamaan 19 Rabiul Akhir 1427 Hijrah.

Pengarah-Pengarah Penjara Tapah:

Bil	Nama Pengarah	Tempoh (Dari - Hingga)
1	PP Shukri bin Saad (memangku)	01-04-2004 hingga 22-11-2004
2	PKK Abdul Aziz bin Mohamad	22-11-2004 hingga 10-12-2007
3	PKK Rosni bin Mansor	10-12-2007

[ [Peta](#) ]

## PENJARA SUNGAI BULOH

Penjara Sungai Buloh,  
47000 Sungai Buloh,  
Selangor.

Tel : 03-60384690  
Fax : 03-60384870/60384685  
Email : prsgblh@prison.gov.my



### Maklumat Ringkas

Perancangan pembinaan Penjara Sungai Buloh bermula pada tahun 1992 setelah tapak penjara ini diwartakan pada 2 Julai 1992 iaitu di atas sebahagian Lot. 1450, Estet Perclairdon, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor dengan keluasan 126.6 ekar. Pembinaan penjara ini adalah bagi menggantikan Penjara Pudu yang telah ditutup secara rasminya pada 31 Oktober 1996 di atas faktor ketidaksesuaian lagi ianya beroperasi kerana pembangunan yang pesat di kawasan persekitaran serta tidak mampu untuk menampung jumlah banduan yang semakin meningkat. Konsep pembinaan Penjara Sungai Buloh dilaksanakan secara penswastan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (Urban Development Authority @ UDA)



yang melibatkan kos berjumlah RM 172,000,000.00. Penjara ini mula beroperasi secara rasminya pada 1 November 1996.

Penjara Sungai Buloh merupakan institusi penjara pertama di Jabatan Penjara Malaysia yang dilengkapi dengan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu (SKEB). Kompleks Penjara Sungai Buloh mengandungi komponen Penjara Utama, Blok Pentadbiran, Blok Stor, Pejabat Kenderaan, Balai Pengawal, Perumahan Kakitangan, Dewan Serbaguna, Rumah Kelab, Surau Kakitangan dan kemudahan sukan serta rekreasi. Kapasiti Penjara Sungai Buloh ialah seramai 3,000 banduan yang terdiri dari banduan reman dan sabitan.

Pentadbiran Penjara Sungai Buloh diketuai oleh Pengarah Penjara berpangkat Timbalan Komisioner Penjara dengan jumlah perjawatan sebanyak 734 iaitu 670 perjawatan kakitangan beruniform dan 64 perjawatan kakitangan awam. Pengurusan penjara ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian iaitu :

1. Bahagian Keselamatan & Inteligen
2. Bahagian Pengurusan Banduan
3. Bahagian Pentadbiran
4. Bahagian Operasi

[ [Peta](#) ]

## PENJARA KAJANG



Sungai Jelok,  
43000 Kajang,  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-87364620  
Fax : 03-87367449  
Email : prkajang@prison.gov.my

### **Maklumat Ringkas**

Penjara Kajang, Selangor yang dahulunya dikenali sebagai Penjara Pusat Selangor merupakan salah sebuah daripada 38 buah institusi penjara yang terletak di bawah pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia. Ia terletak di kawasan Sungai Jelok, Kajang, lebih kurang 3 kilometer dari bandar Kajang.

Penjara Kajang mula dibina pada tahun 1975 di atas tanah seluas 161.3 hektar dan beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun 1985. Pada permulaannya Penjara Kajang hanya menempatkan seramai 30 orang banduan yang dibawa setiap hari dari Penjara Pudu, Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1980. Mereka ditempatkan di Bahagian Pra Bebas dan ditugaskan untuk kerja-kerja kebersihan dan penyelenggaraan kawasan dan bangunan-bangunan penjara yang baru siap dibina.

Pembinaan Penjara Kajang telah menelan belanja lebih kurang RM 65 juta dan dipecahkan kepada 4 bahagian utama iaitu :

1. Bahagian Utama
2. Bahagian Rawatan dan pemulihan dadah
3. Bahagian Pra Bebas
4. Penjara Wanita

Bagi melicinkan lagi pentadbiran di Penjara Wanita, penjara tersebut telah dipisahkan daripada Penjara Kajang dengan diberi tanggungjawab mengurus pentadbiran sendiri pada tahun 1993. Penjara Pusat Selangor telah diwartakan secara rasminya sebagai Penjara Kajang pada 8 Mei 1997.

3 Bahagian Penjara Kajang dan fungsinya :

### **1. Bahagian Utama**

Menahan pesalah-pesalah yang dijatuhkan hukuman kerana melakukan kesalahan jenayah dan melanggar undang-undang imigresen.

### **2. Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah**

Menahan pesalah-pesalah yang dijatuhi hukuman kerana mengedar dan menyalahgunakan dadah serta kesalahan jenayah.

### **3. Bahagian Pra Bebas**

Bangunan jenis dormitari yang menempatkan o/b yang bekerja di luar kawasan tembok penjara dan juga Banduan Dagang. O/b yang terpilih untuk tinggal di bahagian ini adalah terpilih dari kalangan o/b yang tarikh kebebasannya tidak melebihi 9 bulan, warga negara Malaysia, tidak melakukan pelanggaran undang-undang/peraturan dalam penjara, tiada kes mahkamah dan sebagainya.

[ [Peta](#) ]

## **PENJARA WANITA KAJANG**

Sungai Jelok,  
43000 Kajang,  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-87341025  
Fax : 03-87372279  
Email : prwntkjg@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Penjara Wanita Kajang telah dibuka pada 1 Mac, 1984 dan mula beroperasi dengan kekuatan seramai 54 orang Pegawai Penjara. Muster banduanita ketika itu adalah seramai 155 orang yang telah dipindahkan dari Penjara Pudu, Kuala Lumpur.

Pada 1 Mac, 1992 segala kuasa telah diturunkan kepada Pegawai Yang Menjaga Penjara Wanita oleh Ketua Pengarah Penjara Malaysia selaras dengan peruntukan Seksyen 14(2) Prison Ordinance 1952. Walau bagaimanapun, segala peruntukan, urusan pentadbiran/kewangan masih tertakluk di bawah Pentadbiran Penjara Pusat Selangor. Mulai pada 1 Januari, 1993 segala urusan kewangan dan pentadbiran secara keseluruhannya diuruskan oleh pihak Penjara Wanita Kajang sendiri.

[ [Peta](#) ]

## PENJARA SEREMBAN



Jalan Muthu Cumaru,  
70990 Seremban,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7652500  
Fax : 06-7635991  
Email : prsrmbn@prison.gov.my

### **Maklumat Ringkas**

Tahun yang tepat pembinaannya tidak diketahui. Walau bagaimanapun di dalam 'Government Gazette' dilaporkan pada tahun 1896 telah wujud penjara (gaol) Seremban. Adalah dipercayai bangunan penjara yang awal dibina ialah di depan Ibu Pejabat Polis Kontijen, Negeri Sembilan yang ada sekarang yang ada mempunyai kesan 2 bahagian tembok.

### SENARAI PEGAWAI YANG MENJAGA PENJARA SEREMBAN ( 1957 HINGGA SEKARANG)

BIL	NAMA PENGARAH	TEMPOH (Dari - Hingga)
1	MR WB MITCHELL	1957 - 1958
2	TN INDER SINGH	20-02-1958 - 27-12-1960
3	TN HJ HARUN BIN KASSIM	1960 - 1962
4	TN SAID BIN TAHIRAN	1962 - 1966
5	TN GURDEV SINGH	1966 - 03-01-1975
6	TN KASSIM BIN YAHYA	04-01-1975 - 30-07-1979
7	TN JALIL BIN CHE DIN	31-07-1979 - 31-07-1985
8	TN NAZLAN CHIN ABDULLAH	01-08-1985 - 15-05-1989
9	TN MOHD JAAFAR YAACOB	16-05-1989 - 09-09-1991
10	TN MD NOH TAN SRI MURAD	10-09-1991 - 31-01-1995
11	TN HASSAN BIN SAKIMON	01-02-1995 - 15-02-1998
12	TN ROSLAN BIN MOHAMED	16-02-1998 - 30-06-2000
13	TN MUSTAFHA BIN ITAM	01-07-2000 - 16-09-2003
14	TN MOHD SABRI BIN YAACOB	17-09-2003 - 31-07-2006
15	TN KU NAWAWI BIN KU HAMID	01-08-2006 -

[Klik sini untuk maklumat selanjutnya](#) (fail dalam format pdf)

[ [Peta](#) ]

## INSTITUT PEMULIHAN DADAH JELEBU

71600 Titi, Jelebu,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-6111224

Fax : 06-6112487  
Email : ipdjl@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Institusi Pemulihan Dadah Jelevu dengan keluasan tanah 87 hektar berada di Mukim Gelami Lemi dalam Daerah Jelevu di atas Lot No. 3189. Institusi ini mula dibina pada tahun 1982 dengan kerja-kerja pembinaan bangunan adalah dengan menggunakan kemahiran pegawai-pegawai penjara serta tenaga banduan dengan bantuan Jabatan Kerja Raya sebagai agensi utama.

Tujuan utama institusi ini dibina ialah untuk mengasingkan pesalah-pesalah penagih dadah dengan pesalah-pesalah jenayah yang lain. Di sini mereka akan diberi latihan pemulihan melalui program yang telah disusun bersesuaian dengan keadaan semasa di samping dilatih dalam bidang pertanian dan perusahaan.

[ [Peta](#) ]

## **PENJARA BANDA HILIR**



Jalan Parameswara  
75000 Banda Hilir,  
MELAKA

Tel : 06-2823948  
Fax : 06-2846658  
Email : prbdh@prison.gov.my

### **Maklumat Ringkas**

Pada tahun 1964 hingga 1990, institusi ini dikenali sebagai Sekolah Henry Gurney Ke 2 Bandar Hilir, Melaka. Ianya lebih merupakan sebuah pusat atau 'borstal' yang tertutup. Dalam ertikata yang lain, disiplin dan undang-undang yang terdapat adalah lebih ketat berbanding dengan institusi yang mempunyai fungsi yang sama dengannya.

Pada tahun 1990, institusi ini telah bertukar taraf menjadi penjara dan pada tarikh 11 hb. Jun 1990, seramai 52 penghuni terakhir telah dihantar ke Sekolah Henry Gurney, Telok Mas. Kemudian pada keesokan harinya, seramai 16 orang banduan dari Penjara Seremban telah dibawa masuk untuk menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian untuk dijadikan penjara.

[ [Peta](#) ]

## **PENJARA SUNGAI UDANG**

76300 Sungai Udang,  
MELAKA



Tel : 06-3519600  
Fax : 06-3517791  
Email : prsgudang@prison.gov.my

### **Maklumat Ringkas**

Penjara Sungai Udang, Melaka terletak di Lot PT 1582, Mukim Sungai Udang, Daerah Melaka Tengah, Melaka Bandaraya Warisan Dunia (UNESCO). Dibina pada 19 September 2005 dan siap pada 4 Februari 2010 dengan nilai kontrak RM 305,000,000.00. Mula diserahkan kepada Jabatan Penjara Malaysia pada 19 Mei 2010 dan mula beroperasi pada 25.05.2010. Ianya telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Persekutuan (KDN.PDP(S)03/171/1:PN (PU)163/IX) bertarikh 1 Mei 2010.

Berdasarkan brif projek yang disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia, cadangan Penjara Sungai Udang ini bertujuan untuk menggantikan Penjara Banda Hilir, Melaka dan menempatkan seramai 2000 orang banduan yang terdiri daripada 1700 orang banduan lelaki dan 300 orang banduan wanita.

Cadangan Penjara Sungai Udang ini melibatkan kawasan tanah seluas 129.8 ekar yang terletak bersebelahan dengan Jalan Baru Sungai Udang-Ayer Keroh. Tapak ini dimiliki sepenuhnya oleh Jabatan Penjara Malaysia dan merupakan lokasi yang strategik di mana sedia ada adalah kawasan ladang kelapa sawit dan berada luar daripada lingkungan kawasan pusat petempatan utama penduduk.

Selain itu, faktor kemudahsampaian yang baik juga menjadi penentu kepada kesesuaian dari aspek lokasi penjara ini. Berdasarkan kepada ketetapan prinsip-prinsip ketelusan dan keselamatan dari aspek kawalan ke atas keadaan semasa tapak cadangan ini maka, kawasan ini telah dijadikan lokasi bagi pembinaan Penjara baru di Mukim Sungai Udang, Daerah Melaka Tengah, Melaka.

[ [Peta](#) ]

## **PENJARA PRA BEBAS DUSUN DATO' MURAD**

75450 Ayer Keroh,  
MELAKA

Tel : 06-2323428/2318725  
Fax : 06-2325790  
Email : ddm@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Penjara Pra Bebas Dusun Dato♦ Murad berkeluasan 38.85 ekar yang merangkumi kawasan ladang, bangunan kediaman, tempat rekreasi dan Pejabat Pentadbiran. Kedudukan institusi ini adalah lebih kurang 12 km. dari Pusat Bandar dan lebih kurang 3 km. dari Rumah Tol PLUS (Exit Ayer Keroh).

Penjara Pra Bebas, Dusun Dato♦ Murad telah mula beroperasi pada 15 Januari 2003. Ianya bermula apabila institusi-institusi penjara mengalami kesesakan yang amat ketara. Sebagai langkah penyelesaian, Ibu Pejabat Penjara Malaysia dengan kelulusan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) telah mengambil keputusan untuk menutup Sekolah Henry Gurney Dusun Dato♦ Murad dengan memindahkan operasinya ke Sekolah Henry Gurney, Telok Mas.

Institusi ini telah diwartakan dalam warta Kerajaan bertarikh 18 hb. Februari 2003 bersesuaian dengan keperluan mengikut Seksyen 3, Akta Penjara 1995. Dengan pengwartaan tersebut, institusi ini telah melaksanakan satu sistem pengawalan baru yang melibatkan kategori banduan yang berbaki hukuman dua (2) tahun ke bawah di mana banduan-banduan dipilih dari empat (4) buah institusi yang berhampiran seperti Penjara Johor Bahru, Penjara Simpang Rengam, Penjara Kajang dan Penjara Sungai Buloh.

Institusi ini masih lagi menjalankan aktiviti pertanian sebagai proses pemulihan yang utama. Di samping itu juga, ada sebahagian banduan-banduan yang dikenal pasti sebagai banduan yang berkelayakan untuk bekerja secara usahasama dengan kilang-kilang yang berhampiran.

Perjumpaan banduan di institusi ini dijalankan secara terbuka (Contact Visit). Tempat perjumpaan yang diberi nama ♦**Balai Perjumpaan**♦ terletak bersebelahan dengan Pintu Besar, Kelab Sukan & Kebajikan Kakitangan serta Pejabat Rekod.

Waktu perjumpaan untuk banduan bagi institusi ini adalah seperti berikut :

Isnin hingga Khamis	-	8.00 pagi hingga 4.30 petang
Jumaat	-	Tutup
Sabtu, Ahad Kelepasan Am	-	8.00 pagi hingga 4.30 petang
Hari Perayaan	-	Mengikut ketetapan yang dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan IPPM

Ahli keluarga banduan dibenar mengadakan lawatan mengikut kesesuaian masa mereka. Ahli keluarga juga dimaklumkan mengenai waktu perjumpaan melalui surat kepada keluarga apabila banduan-banduan dipindahkan ke institusi ini. Walaubagaimanapun, ahli keluarga boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan menghubungi Pegawai Rekod yang bertugas mengenai perjumpaan.

[ [Peta](#) ]

## PUSAT KOREKSIONAL JASIN

Pusat Koreksional Jasin  
Melaka,  
(Sekolah Henry Gurney  
Jasin)  
Jln Jasin-Merlimau,  
Lipat Kajang,  
77000 Jasin,  
MELAKA

Tel : 06-5294674  
Fax : 06-5295361  
Email :  
shgjasin@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Pusat Koreksional Jasin mula beroperasi pada Ogos 2013 dengan hanya menempatkan beberapa orang pegawai yang bertugas untuk mengawal keselamatan bangunan. Mempunyai keluasan tapak lebih kurang 187 ekar dan hanya 50 ekar telah dimajukan yang melibatkan pembinaan kuarters perumahan pegawai dan blok penjara. Nama institusi ini pada asalnya adalah "Penjara Insdustri Jasin" sebelum digazetkan sebagai "Pusat Koreksional Jasin".

Bermula pada Julai 2014, institusi ini telah digazetkan pula sebagai "Sekolah Henry Gurney Jasin" dan telah menerima lebih 200 orang penghuni yang terdiri daripada penghuni Sekolah Henry Gurney yang dipindahkan daripada Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka. Tujuan pemindahan penghuni tersebut pada ketika itu adalah untuk menampung kesesakan penghuni di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka kerana terdapat pembaikan bangunan penempatan penghuni. Aktiviti harian penghuni Sekolah Henry Gurney Jasin lebih terarah kepada program pemulihan yang berasaskan Sistem BORstal Sekolah Henry Gurney. Para pegawai dilantik menjadi guru rumah dan mendidik penghuni disamping menjalankan aktiviti pemulihan berdasarkan peringkat penghuni. Para penghuni yang ditempatkan disini menerima program pemulihan seperti Kelas PEndidikan 3M, Kelas Halaqah, Fardhu Ain, Pertanian, Bengkel Kemahiran Jahitan, Dapur dan Dobi. Sehingga 2017, seramai 118 anggota dan kakitangan telah ditempatkan di institusi ini.

[ [Peta](#) ]

## **PENJARA SIMPANG RENGAM**

86200 Simpang Rengam,  
JOHOR DARUL TAKZIM

Tel : 07-7550990  
Fax : 07-7556050  
Email : prspgrg@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Penjara Simpang Renggam, Johor telah dibina pada tahun 1982 dan siap sepenuhnya pada tahun 1986 di atas kawasan seluas 82.6 hectar (198.2 ekar).

Pada tarikh 20hb. Oktober, 1986 diwartakan sebagai Penjara bagi menempatkan kalangan banduan kategori reman dan banduan pra-bebas/kerja luar. Kapasiti penempatan adalah seramai 1100 orang.

Pada tarikh 10hb. Mei, 1991 diwartakan sebagai Pusat Pemulihan Akhlak bagi menempatkan tahanan-tahanan dibawah Tahanan Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985 dan Tahanan Ordinan Darurat (KAMJ) 1969. Kapasiti penempatan adalah seramai 1400 orang.

[ [Peta](#) ]

## PENJARA KLUANG

Kg. Gajah,  
Jalan Mersing,  
86000 Kluang  
JOHOR DARUL TAKZIM

Tel : 07-7875200  
Fax : 07-7875128  
Email : prkluang@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Kerajaan Malaysia dalam usaha menangani kesesakan yang dialami di institusi penjara di seluruh negara telah mengambil beberapa langkah positif antaranya dengan membina beberapa buah penjara baru. Di antara penjara tersebut ialah Penjara Kluang yang dibina dengan matlamat bagi mengatasi masalah kesesakan dan permasalahan yang timbul akibat dari kesesakan tersebut terutama di Penjara Johor Bahru, Johor dan seterusnya menggantikan penjara yang telah berusia lebih 100 tahun itu.

Dibina di Lot PTD 11021, PTD 11294, PTD 13872 dalam Mukim Kluang dengan keluasan 450 ekar. Pembinaannya bermula pada awal tahun 2001 dan secara praktikalnya siap pada 31 Julai 2004 dengan jumlah kos sebanyak RM 223.5 juta. Had muatan penghuni yang mampu ditampung pada satu-satu masa ialah seramai 2,000 penghuni iaitu 1,800 bagi penghuni lelaki dan 200 penghuni wanita. Pada 20 Ogos 2004, Pemeriksaan bangunan dan sel penempatan banduan telah dilakukan oleh pihak Majlis Perbandaran Kluang dan Pengesahan Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan dikeluarkan pada 27 Ogos 2004. Seterusnya pada 15 Januari 2005 ianya telah dengan rasminya diistiharkan sebagai **Penjara Kluang**.

Penjara Kluang mula beroperasi pada 1 Februari 2005 dengan penempatan 40 pegawai penjara. Jumlah kakitangan ditambah dari masa ke semasa secara berperingkat dan sehingga kini jumlah kakitangan Penjara Kluang seramai 568 orang terdiri dari pelbagai peringkat perjawatan.

Penempatan banduan di Penjara Kluang pula bermula pada pertengahan Februari 2005 dengan perpindahan seramai 150 orang banduan daripada Penjara Johor Bahru, Penjara Simpang Rengam dan Penjara Kajang, Selangor. Operasi perpindahan ini berterusan secara berperingkat-peringkat sehingga perpindahan kumpulan terakhir banduan dari Penjara Johor Bahru diikuti dengan penutupan operasi Penjara Johor Bahru pada 19.12.2005.

Selaras dengan pertambahan jumlah banduan yang ditempatkan, pengurusan pentadbiran juga telah dinaiktarafkan dengan penempatan seorang pegawai kanan penjara berpangkat Penolong Kanan Komisioner Penjara (PKK) yang memegang jawatan Pengarah Penjara Kluang berkuat kuasa April 2006.

### **Senarai Ketua-Ketua Institusi Yang Terdahulu.**



Nama-nama pegawai kanan penjara yang pernah bertugas di Penjara Kluang bertindak sebagai Pengarah Penjara

Bil.	Nama Ketua Institusi	Tarikh Mula Berkhidmat	Tarikh Bertukar/Bersara
1.	TPP Shuib Bin Ongah	1 Feb 2005	1 Mac 2005
2.	PP Samihan Bin Hj. Misdi	1 Mac 2005	6 Sept 2005
3.	PKP Kushairi Bin Manap	6 Sept 2005	3 April 2006
4.	PKK Jamaludin Bin Saad	3 April 2006	6 Jun 2007
5.	PKK Roslan Bin Hj. Mohamed	6 Jun 2007	-

Penghuni-penghuni yang ditempatkan di Penjara Kluang merupakan pesalah-pesalah yang telah dijatuhi hukuman oleh mahkamah bagi seluruh negeri Johor terdiri dari pelbagai jenis hukuman iaitu :-

- i. Hukuman Singkat.
- ii. Hukuman Lama.
- iii. Hukuman SeUmur Hidup.
- iv. Hukuman SeUmur Hayat.
- v. Hukuman Mati.
- vi. Banduan Dagang.
- vii. Buang Tempatan.

Di samping itu, terdapat juga tahanan reman yang ditempatkan di Penjara Kluang tetapi hanya melibatkan Tahanan Wanita sahaja bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam negeri Johor.

Tahanan Reman ini terdiri dari tahanan :-

- i. Tahanan Mahkamah Sesyen.
- ii. Tahanan Mahkamah Rendah.
- iii. Tahanan Mahkamah Tinggi.
- iv. Tahanan Mahkamah Sesyen ( Syariah ).
- v. Tahanan Mahkamah Tinggi ( Syariah )

[ [Peta](#) ]

## PENJARA PENOR

KM. 18, Jalan Kuantan-Pekan  
25150 Kuantan,  
PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-5121044  
Fax : 09-5311169  
Email : [prpenor@prison.gov.my](mailto:prpenor@prison.gov.my)



### **Maklumat Ringkas**

Penjara Penor yang mempunyai keluasan 200 ekar, terletak di Lot 2142, Mukim Penor, Daerah Kuantan, Pahang. Jaraknya dari pusat bandar Kuantan ialah 18 km., manakala dari Bandar Diraja Pekan ialah 30 km. Ia mula dibangunkan pada tahun 1982 dan pada mulanya untuk dijadikan Sekolah Henry Gurney, Kuantan. Tetapi memandangkan ketika itu, Penjara Kuantan mengalami masalah kesesakan serta bilangan penghuni di Sekolah Henry Gurney di seluruh Malaysia kurang, maka cadangan asal itu telah diubah. Pada 30 hb. Julai 1990, penjara ini telah diwartakan sebagai "Penjara Terbuka Penor".

[ [Peta](#) ]

## **PENJARA BENTONG**



Kompleks Penjara Bentong, Mempaga  
28600 Karak, Bentong  
PAHANG DARUL MAKMUR  
Tel : 09 - 221 0111 Faks : 09 - 224 1553

### **Maklumat Ringkas**

Penjara Bentong Pahang adalah sebuah penjara baru yang dibina dengan kaedah rundingan terus dan JKR sebagai agensi pelaksana. Trans Resources Corporation Sdn Bhd adalah kontraktor yang bertanggungjawab melaksanakan pembinaan Penjara Bentong. Dibina diatas Lot PT 15878 Mukim Sabai dalam Daerah Bentong Pahang dengan keluasan 54.97 hektar (135.84 ekar) yang terletak di gugusan Felda Mempaga. Kos pembinaan keseluruhan projek adalah sebanyak RM 238 juta. Projek ini dimulakan pada 31 Mei 2005 dan siap pada 31 Julai 2008. Diwartakan sebagai Penjara Bentong berkuatk kuasa sah pada 1 Jun 2008 melalui surat [ KDN.S.171/1355 Klt. 6:PN(PU)163/VIII ] bertarikh 12 Mei 2008. Penjara Bentong ditadbir oleh seorang Pengarah Penjara berpangkat Timbalan Komisioner Penjara Gred KX54.

Penjara Bentong menempatkan banduan-banduan **◆**Reman dan Sabitan**◆** lelaki dan wanita dengan kapasiti selesa 2,200 orang banduan. Penjara Bentong dilengkapi dengan Sistem Keselamatan Elektronik bersepadu yang melibatkan kawalan-kawalan CCTV, pagar keselamatan dan juga kunci.

Penjara Bentong juga dilengkapi dengan perumahan kakitangan yang moden dan selesa serta kemudahan-kemudahan lain untuk kakitangan pelbagai pangkat. Selain itu taman-taman permainan juga disediakan serta kemudahan-kemudahan rekreasi yang lain seperti gimnasium, gelanggang-gelanggang permainan, padang bolasepak, dewan serbaguna dan rumah kelab.

[ [Peta](#) ]

## **PENJARA MARANG**



21600 Marang,  
TERENGGANU DARUL IMAN

Tel : 09-8320200  
Fax : 09-8321269  
Email : prmrng@prison.gov.my

### **Maklumat Ringkas**

Penjara Marang letaknya di Mukim Pulau Kerengga dalam Daerah Marang, lebih kurang 11 km. dari Bandar Marang dan 33 km. dari Bandar Kuala Terengganu. Penjara ini mempunyai keluasan 78.18 hektar, di mana 28 hektar untuk projek pembangunan, 32 hektar untuk projek pertanian dan bakinya untuk projek rekreasi.

Penjara Marang telah dibuka dengan rasminya pada 17 hb. April 1987 oleh Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Satu ciri yang unik berhubung dengan pembangunan penjara ini adalah disebabkan projek pembinaannya dilaksanakan oleh banduan-banduan dengan penyeliaan kakitangan-kakitangan penjara sendiri. Aktiviti-aktiviti pemulihan di Penjara Marang adalah terdiri dari latihan-latihan vokasional di samping beberapa projek usahasama dan khidmat bakti yang ada dijalankan.

[ [Peta](#) ]

## **PENJARA PENGKALAN CHEPA**

Jalan Maktab,  
16109 Pengkalan Chepa,  
KELANTAN DARUL NAIM

Tel : 09-77388915  
Fax : 09-7737522  
Email : prcheпа@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Penjara Pengkalan Chepa yang dahulunya dikenali dengan nama Penjara Kelantan, terletak kira-kira 8 kilometer dari Bandar Kota Bharu. Mula beroperasi pada 17 Ogos 1950. Sebelum ini institusi ini terletak di Bandar Kota Bharu iaitu di Bangunan Pejabat Kawalan Bawaan Vektor Negeri Kelantan, Jalan Mahmood, Kota Bharu di hadapan Stadium Sultan Muhammad ke IV atau bersebelahan dengan Gelanggang Seni. Bangunan ini masih utuh dan telah diubahsuai oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.

Penjara Pengkalan Chepa sekarang terletak di atas tanah seluas 26.45 hektar yang mana 10.2 hektar digunakan sebagai Penjara dan selebihnya digunakan sebagai kawasan perumahan dan padang permainan. Penjara ini pada awal penubuhannya dikenali sebagai Penjara Terbuka yang merupakan Penjara Terbuka Pertama di Malaysia dan juga di Asia Tenggara. Konsep Penjara Terbuka ini diambil daripada Sistem Witz Will di Bern, Switzerland pada tahun 1875. Pada 2 Februari 1994 Penjara ini telah diwartakan (KDNS 171/1355 Klt.2 Pindaan (PU2) 163/11) di bawah Pentadbiran yang diketuai oleh Pegawai Penjara berpangkat Penguasa Kanan Penjara.

Penjara Pengkalan Chepa dipecahkan kepada 2 Bahagian iaitu Penjara Lelaki dan Penjara

Wanita dan pada hari ini dapat menampung melebihi 1,000 orang banduan yang terdiri daripada beberapa kategori hukuman dan tahanan seperti Banduan Akhir, Banduan Seumur Hidup, Banduan Hukuman Lama, Banduan Hukuman Singkat, Tahanan Mahkamah Tinggi, Tahanan Mahkamah Sesyen, Tahanan Mahkamah Majistret, Banduan Dagang dan Tahanan Imigresen.

Sepanjang tempoh menjalani hukuman banduan diberi Latihan Vokasional seperti Bengkel Pertukangan Kayu, Bengkel Kimpalan, Bengkel Pertukangan Rotan, Bengkel Jahit, Bengkel Batik, Pembinaan Bangunan, Bengkel Elektrik, Kebun Sayur dan lain-lain. Disamping memberi Latihan Kemahiran Hidup yang boleh menjadi sumber rezeki bila dibebaskan nanti, Pendidikan Agama juga diajar sebagai cara untuk memulihkan akhlak, di mana aktiviti ceramah agama dan sembahyang berjemaah diamalkan di Institusi ini. Selain daripada Latihan Vokasional dan Pendidikan Agama kepada banduan-banduan juga (terutama yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah) diberi bimbingan kaunseling. Manakala sebelah petang diadakan aktiviti-aktiviti sukan, disediakan untuk menghilangkan rasa bosan dan mewujudkan keharmonian hidup diantara mereka.

Banduan juga sebagai insan yang mempunyai perasaan kasih sayang dan rinduan keluarga, maka dengan itu keluarga mereka dibenarkan melawat mereka sekurang-kurangnya sekali sebulan, tiga minggu sekali, dua minggu sekali dan tiap-tiap minggu mengikut peringkat banduan. Setiap perjumpaan diperuntukan masa selama 30 minit dengan menggunakan ♦intercom♦ bagi membolehkan keluarga banduan memberi nasihat agar tidak mengulangi kesilapan yang lalu dan sekurang-kurangnya menghilangkan sedikit rindu mereka.

[ [Peta](#) ]

## PENJARA PUNCAK BORNEO



Penjara Puncak Borneo  
KM 23, Jalan Puncak Borneo  
93250 Kuching, Sarawak

Tel: 082-614066  
Fax: 082-614015  
Email:  
[prpborneo@prison.gov.my](mailto:prpborneo@prison.gov.my)

### **Maklumat Ringkas**

Penjara Puncak Borneo mempunyai keluasan keseluruhan 43.91 hektar. Terletak di Lot 543, Blok 4, Daerah Tanah Sentah Segu, Padawan, 25 km dari Bandaraya Kuching, ia telah mula dibina pada tahun 1997. Penjara ini telah beroperasi dan diwartakan sebagai penjara berkuatkuasa pada 27 November 2008 melalui surat [KKDN.S.171/1355 Klt. 7;PN(PU2)163/VIII] bertarikh 7 November 2008. Penjara ini telah dilengkapi dengan Anti-Climb Fence dan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu (SKEB) yang melibatkan kawalan CCTV. Penjara Puncak Borneo juga merupakan institusi yang melaksanakan program pendidikan iaitu Sekolah Integriti bagi Zon Sarawak yang mula beroperasi pada 9 Februari 2009. Penjara Puncak Borneo ditadbirkan oleh seorang Pengarah Penjara berpangkat Penolong Komisioner Penjara Gred KX48.

Penjara Puncak Borneo menempatkan banduan-banduan “Reman dan Sabitan” lelaki dan wanita dengan kapasiti 550 orang banduan.

Kompleks Penjara Puncak Borneo juga dilengkapi dengan perumahan kakitangan untuk pelbagai pangkat. Selain itu kemudahan-kemudahan seperti Masjid kakitangan dan Tabika KEMAS juga disediakan.

[ [Peta](#) ]

## PENJARA PUSAT SRI AMAN

Peti Surat 251  
95008 Bandar Sri Aman,  
SARAWAK

Tel : 083-322161  
Fax : 083-325495  
Email : prsraman@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Penjara Sri Aman terletak di Lot No. 493, Jalan Brayun, Sri Aman. Ianya berkeluasan 7.9 ekar dan mula di bina pada tahun 1978 bagi menggantikan penjara lama (Fort Allice). Penjara ini siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada 10 hb. Jun 1980. Penjara ini pada mulanya ditadbir di bawah kuasa Pegawai Daerah Sri Aman, tetapi pada awal tahun 1981, ianya telah diserahkan sepenuhnya kepada Jabatan Penjara Malaysia.

[ [Peta](#) ]

## PENJARA PUSAT SIBU



Jalan Awang Ramli Amit  
96000 Sibu,  
SARAWAK

Tel : 084-330740  
Fax : 084-348487  
Email : prsibu@prison.gov.my

### **Maklumat Ringkas**

Semasa pemerintahan Brooke, Penjara Sibu dikenali sebagai 'Rumah Pasong'. Rumah pasong yang awal dibina pada tahun 1890 di tebing Sungai Rejang dan berdekatan dengan Hospital Lau King Howe serta ditadbir oleh polis. Pada tahun 1918 ianya dipindahkan ke tempat sekarang iaitu di kawasan seluas 3 ekar yang dikelilingi Palm Road, Pisang Road dan Padang Road. Dari tahun 1918 hingga 1963, Rumah Pasong ditadbir oleh Pegawai Daerah. Apabila Negeri Sarawak merdeka melalui Malaysia pada 1963, rumah pasong turut berubah dan dikenali sebagai penjara. Pentadbirannya adalah terletak di bawah Jabatan Penjara dan telah diwartakan pada 25 Ogos 1972.

### **PROSEDUR LAWATAN BERJADUAL**

1. Untuk tempahan lawatan/temujanji mela;ui telefon, sila dail 084-330740 samb. 25 pada hari bekerja waktu pejabat.

2. Maklumat yang perlu dinyatakan ialah Nama banduan, No. Banduan, Tarikh Lawatan, Waktu Lawatan, Nama Pemanggil/hubungan
3. Pelawat dikehendaki datang 15 minit lebih awal. Lawatan akan dikategorikan sebagai lawatan biasa sekiranya datang lewat.
4. Pembatalan lawatan hendaklah dimaklumkan kepada Unit Pendaftaran Lawatan.

Waktu perjumpaan untuk banduan bagi institusi ini adalah seperti berikut ;

<b>AHAD/CUTI UMUM</b>	-	Tutup
<b>ISNIN hingga KHAMIS</b>	-	8.15 pagi hingga 12.30 tengahari 2.15 petang hingga 4.00 petang
<b>JUMAAT</b>	-	8.15 pagi hingga 11.00 pagi 2.15 petang hingga 4.00 petang
<b>SABTU</b>	-	8.15 pagi hingga 12.30 tengahari

[ [Peta](#) ]

## PENJARA PUSAT MIRI

Beg Berkunci No. 11  
98009 Miri,  
SARAWAK

Tel : 085-611057  
Fax : 085-612051  
Email : [prmiri@prison.gov.my](mailto:prmiri@prison.gov.my)



### **Maklumat Ringkas**

Penjara Pusat Miri dibuka pada 08 Disember 1962 di Jalan Brighton, Miri untuk menempatkan seramai 62 orang pesalah yang mencetuskan pemberontakan di Bekenu, Miri pada tarikh tersebut. Ia telah diwartakan sebagai sebuah penjara pada 26 April 1962 dalam volume XVIII NO. 24 No. S66. Pada permulaan penubuhannya, Pegawai Daerah Miri telah bertindak sebagai Timbalan Penguasa Penjara dan Pegawai Yang Menjaga ialah Ketua Pegawai Penjara (KPP) Sumarja. Jumlah pegawai pada masa itu seramai 12 orang.

Penjara Pusat Miri terletak di Kampung Tunku Abdul Rahman, Lambir dengan keluasan tanah 20.05 ekar dan jarak dari bandar ialah 14 kilometer. Penjara ini telah diwartakan pada 14.02.1980 di dalam Warta Kerajaan SWK.LN(F) dan SWK.L.N(F) 10 (SGG Part II Volume XXXV No. 5).

Penjara Pusat Miri ialah penjara terbuka yang mempunyai beberapa ciri umum iaitu:-

- Tidak dilingkungi oleh tembok konkrit tetapi hanya dilingkungi oleh pagar zink dan chainlink yang terpasang barbed wire di atasnya.
- Menempatkan banduan dan tahanan dari Bahagian Miri, Marudi, Lawas dan Bintulu.
- Menempatkan banduan dan tahanan **◆hardcore◆** dari Penjara Pusat Limbang.
- Dilengkapi dengan sistem keselamatan elektronik dan diklasifikasikan dalam kategori penjara **◆Medium◆**

Penjara Pusat Miri ditadbir oleh Ketua Institusi berpangkat Penguasa Penjara Gred KX 42. Institusi ini menempatkan banduan terdiri dari kategori banduan akhir, banduan seumur hayat, banduan seumur hidup, hukuman lama, hukuman singkat, orang tahanan mahkamah (under remand) dan orang tahanan (order of detention). Muatan bagi penjara ini ialah seramai 250 orang banduan lelaki dan 150 orang banduanita. Institusi ini mempunyai 5 buah bengkel perusahaan untuk latihan kemahiran kepada penghuni-penghuni. Antara bengkel-

bengkel yang ada adalah seperti:

- i) Bengkel Ketukangan Kayu
- ii) Bengkel Jahit
- iii) Bengkel Kraf
- iv) Bengkel Kimpalan
- v) Bengkel Dobi

Waktu perjumpaan untuk banduan bagi institusi ini adalah seperti berikut :

Isnin/Cuti Umum - Tutup  
Selasa ♦ Ahad - 8.00 pagi hingga 4.30 petang

[ [Peta](#) ]

### JABATAN PENJARA MALAYSIA LIMBANG



455,460,461 Blok 16 Pandaruan  
L.D,  
98700 Limbang,  
SARAWAK

Tel : 085-211066 / 211068  
Fax : 085-211060  
Email : prlmbng@prison.gov.my

#### **Maklumat Ringkas**

Merupakan penjara alaf baru bagi Negeri Sarawak. Perlaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (2001 ♦ 2005) menelan belanja RM84 juta.

Tapak penjara terletak di Lot 455, 460, 461 Blok 16 Pandaruan L.D dengan keluasan keseluruhan 20.2631 hektar / 50.0694 ekar, MP5/60-1 D21-3-3 Block 16 Pandaruan L.D. Ciri-ciri binaan seperti berikut:

- a. Bangunan
  - i. Rekabentuk bangunan berdasarkan konsep pembetulan dan pemulihan penjenayah.
  - ii. Terdapat 10 blok kediaman kakitangan, 12 blok bangunan sokongan di Fasa 1 dan 18 blok bangunan dalam kawasan penjara Fasa 2.
  - iii. 7 blok penempatan banduan merangkumi 316 banduan dan 83 banduanita.
- b. Keselamatan
  - i. Secara amnya, sistem keselamatan di penjara ini adalah di tahap sederhana.
  - ii. Pengurusan aspek keselamatan di kawal secara pusat dari Bilik Kawalan Keselamatan manakala setiap bangunan dikawal melalui Bilik Pengawal Tempatan.
  - iii. Setiap bangunan dipasang Stesen Interkom, Butang Kecemasan, Sistem PA dan kamera CCTV.
  - iv. Alat-alat seperti Pengesan Besi, Interkom untuk Pelawat Luar dilengkapi dengan sistem rakaman dan sistem ♦Walkie Talkie♦ dipasang untuk fungsi dan operasi spesifik.
  - v. Sistem Kekunci yang digunakan adalah secara manual kecuali untuk ♦Automatic Sliding Gate♦.

Perwartaan diisytiharkan dalam Warta Kerajaan Malaysia Jil.49 No.5 10 Mac 2005 P.U.(B) 91. Seksyen 3 Akta Penjara 1995 (Akta 537) berkuatkuasa 15 Mac 2005 (KKDN.S 171/1355/Klt. 5; PN(PU2) 163/VI). Nama Kompleks Penjara Baru Limbang ditukar kepada Jabatan Penjara Malaysia Limbang.

Memulakan operasi secara rasmi pada tanggal 12 Disember 2005 bersamaan hari Isnin. Semua pegawai dan kakitangan beruniform dan awam dari Penjara Pusat Limbang ditukarkan ke penjara tersebut. Populasi banduan semasa pemindahan penjara seramai 49 banduan (44 lelaki & 5 wanita). Detik sejarah bermula jam 9.35 pagi apabila semua penghuni penjara selamat berpindah ke Penjara Baru. Turut hadir menyaksikan operasi pemindahan Y.A.S Tuan Haji Zulkipli bin Omar Timbalan Ketua Pengarah Penjara Malaysia dan Tuan Wan Abdul Rahman bin Abdullah Pengarah Penjara Negeri Sarawak.

[ [Peta](#) ]

## PENJARA PUSAT KOTA KINABALU

Peti Surat 11020,  
88811 Kota Kinabalu,  
SABAH

Tel : 088-456474  
Fax : 088-270470  
Email : prkknbl@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Penjara Pusat Kota Kinabalu pada asalnya terletak di Batu Tiga, Jesselton iaitu ketika di bawah pemerintahan Kolonial British dan di bawah kuasa pentadbiran Polis. Pada tahun 1953 ia telah dipindahkan ke kawasan Kepayan yang berkeluasan tapak 7.14 ekar. Sekitar tahun 1963, pentadbiran Jabatan Penjara Sabah telah diserahkan kepada warga Malaysia pertama iaitu Tuan G.S. David (rakyat Pulau Pinang) selaku Pesuruhjaya Penjara Sabah selepas Pesuruhjaya British B. R. Lowe. Awal pembinaannya, penjara ini hanyalah untuk menempatkan seramai 250 orang pesalah sahaja. Walau bagaimanapun semasa pembukaan ianya telah memuatkan seramai 300 orang penghuni dengan kekuatan anggota seramai 31 orang sahaja.

No. Lot :  
Keluasan keseluruhan : 31.6 hektar  
Keluasan Penjara Pusat : 3.5 ekar  
Kapasiti : 750

### **KETUA-KETUA INSTITUSI PENJARA PUSAT KOTA, KINABALU, SABAH**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Tahun Mula</b>	<b>Tahun Berkhidmat</b>
1.	B.R. Lowe	1957	1966
2.	G.S. David	1966	1969
3.	Othman Peter Andu	1969	1973
4.	Syed Hassan bin Hj. Masumally	1973	1975
5.	G.S. David	1975	1985
6.	Gurcharan Dass	1985	1987
7.	Michael Jianul	1987	1990
8.	Anthony Lojinga	1990	1990



9. George Jinivon	1990	1992
10. Othman bin Hj. Omar	1992	1992
11. Michael Jianul	1992	1995
12. Suhaimi bin Hassan	1995	1995
13. Hj. Abd. Wahab bin Hj. Kassim	1995	1999
14. Ku Nawawi bin Ku Hamid	1999	2000
15. Jews Sinau @ Prichard	2000	2004
16. Tan Tian Heng	2004	2007
17. Suria bin Idris	2007	

[ [Peta](#) ]

## PENJARA WANITA KOTA KINABALU

Peti Surat 11020  
88811 Kota Kinabalu  
SABAH

Tel : 088-456474/088-319472  
Fax : 088-319471  
Email : prwntkk@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Institusi Penjara Wanita, Kota Kinabalu terletak di Zon Kepayan iaitu kira-kira 3 km dari pusat bandar. Institusi Penjara Wanita yang dahulunya dikenali sebagai Penjara Perempuan telah dibina pada tahun 1967 dan mula beroperasi pada Mei 1968. Institusi ini pada asalnya mempunyai keluasan 0.83 ekar dan ia dibina bersebelahan dengan Penjara Pusat Kota Kinabalu.

Pada 1 Julai 2003, institusi ini telah berpindah ke lokasi Sekolah Henry Gurney Kota Kinabalu, sekaligus mengambil alih pentadbiran sekolah tersebut melalui pewartaan KDN.S.171/1355, Klt. 4; PN(PU2) 163/VI.

Aktiviti latihan vokasional untuk banduan meliputi bidang kemahiran seperti salun kecantikan, jahitan dobi, mendjanting batik dan katering. Orang awam adalah dialu-alukan untuk mendapatkan perkhidmatan dalam bidang yang dinyatakan dan boleh berhubung dengan Pegawai Perusahaan pada waktu pejabat.

Waktu perjumpaan untuk banduan bagi institusi ini adalah seperti berikut :

Isnin	-	Tutup
Selasa	◆	Jumaat - 8.10 pagi hingga 4.30 petang
Sabtu	◆	Ahad - 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari

\*Untuk tempahan lawatan, sila dail 088-319004.

[ [Peta](#) ]

## PENJARA SANDAKAN

Peti Surat 1469  
98000 Sandakan,  
SABAH

Tel : 089-663027/089-665860  
Fax : 089-663713  
Email : prsndkn@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Sebelum terbinanya Penjara Sandakan, telah wujud Penjara Sim Sim yang telah beroperasi sejak 1950an. Pada masa itu, penjara ini ditadbir oleh Penguasa Polis. Penjara Sim Sim telah ditutup pada tahun 1981 dan banduannya dipindahkan ke Penjara Sandakan yang telah siap dibina pada 1978 tetapi hanya beroperasi pada 1981. Dalam tahun 1984, bangunan Penjara Sim Sim telah dimusnahkan untuk memberi laluan kepada pembinaan lebuh raya.

Waktu perjumpaan untuk tahanan bagi institusi ini adalah seperti berikut :

### **Masa Lawatan Berjadual**

Temujanji melalui telefon boleh dibuat pada waktu berikut ;

#### ***Selasa hingga Khamis dan Ahad***

*8.15 pagi - 12.30 tengahari  
2.15 petang - 4.00 petang*

#### ***Jumaat***

*8.15 pagi - 11.00 pagi  
2.15 petang - 4.00  
petang*

#### ***Sabtu***

*8.15 pagi - 12.30  
tengahari*

[ [Peta](#) ]

## PENJARA PUSAT TAWAU

91000 Tawau,  
SABAH

Tel : 089-712509  
Fax : 089-711564  
Email : prtawau@prison.gov.my



### **Maklumat Ringkas**

Penjara Tawau telah dibina pada tahun 1964 dan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun berikutnya. Luas kawasan secara keseluruhan ialah 13.55 ekar, iaitu 3 ekar kawasan kurungan dan 10.55 ekar bagi tempat kediaman pegawai.

[ [Peta](#) ]